

29 OCT 1999

Analisis: Anwar-Akaun

PENDEDAHAN DANA POLITIK ANWAR SATU TAMPARAN KEPADA PEMBANGKANG

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Ketika pertelagahan sesama sendiri masih berlarutan, Barisan Alternatif, suatu pakatan politik empat buah parti pembangkang, terus dilanda kesulitan untuk menggembelng sokongan bagi mencerahkan sebarang harapan mereka untuk memenangi pilihan raya umum yang dijangka tidak lama lagi.

Kali ini membabitkan soal kredibiliti bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, tokoh yang dijadikan sandaran barisan itu yang dianggotai PAS, DAP, KeAdilan dan PRM, untuk meraih sokongan rakyat.

Ini berikutan pendedahan bekas Penolong Gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid semalam bahawa Anwar kononnya mengawal 20 Akaun Induk bernilai lebih RM3 bilion untuk digunakan bagi memenuhi agenda politiknya.

Murad mendakwa, di antara pihak yang menerima bayaran daripada akaun itu ialah sebuah agensi kumpulan pemikir daripada Amerika Syarikat yang diketuai bekas pengarah kanan Majlis Keselamatan Negara itu Douglas H. Paal, membabitkan lebih RM38 juta. Bayaran itu kononnya dibuat kerana usaha agensi berkenaan menaikkan imejnya di Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau juga mendakwa kononnya Anwar yang juga bekas Menteri Kewangan pernah menggunakan kedudukannya untuk mengatur pinjaman bank untuk beberapa kawannya, termasuk sebanyak RM20 juta kepada Hajah Marina Yusof yang kini Naib Presiden KeAdilan. Turut dibabitkan dalam akuan berkanun Murad ialah Dr Chandra Muzaffar, timbalan presiden KeAdilan, yang hari ini menafikan tuduhan terhadapnya.

Walaupun reaksi pihak Barisan Alternatif masih ditunggu, banyak kalangan berpendapat akuan Murad pasti menghakis lagi sisa-sisa keyakinan umum terhadap kewibawaan Anwar (sebagai orang yang diwar-war bakal Perdana Menteri jika barisan itu menang).

Murad diketahui rapat dengan Anwar dan sebagai pegawai kanan Bank Negara, beliau tentunya tahu apa yang dipercakapkannya.

Rakan seperjuangan Anwar di zaman kebangkitan pelajar pada tahun 70an yang kini seorang pengkritik paling lantang, Datuk Haji Ibrahim Ali berkata, pendedahan itu memberi peluang kepada rakyat untuk menerima kewajaran dan alasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyingkirkannya (Anwar) daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Presiden Umno.

"Kini lebih mudahlah bagi rakyat untuk menilai siapa Anwar sebenarnya dan siapakah yang lebih telus - Anwar atau Mahathir?" ujar Ibrahim yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, penggunaan agensi daripada Amerika Syarikat bagi mengusaha pembinaan imej Anwar adalah suatu perbuatan yang sangat tidak wajar dan boleh timbul risiko kepada keselamatan, keharmonian dan kestabilan negara. Ia juga sekali gus membuktikan bahawa "Anwar sebenarnya seorang pemimpin yang cakap tidak serupa bikin".

Ibrahim bagaimanapun kesal pendedahan Murad itu agak lewat kerana jika ia dibuat lebih awal "sudah tentulah kemarahan dan bantahan rakyat kepada Dr Mahathir berhubung isu pemecatan Anwar itu tidak akan tercetus".

Walau apapun, beliau yakin dengan pendedahan itu, kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan Anwar akan bertambah luntur dan keghairahan penyokong parti KeAdilan serta parti-parti pembangkang yang lain bertambah pudar.

Mengulas isu yang sama, Setiausaha Agung Persatuan Pemborong Melayu Malaysia, Senator Rosli Mat Hassan berkata, rakyat yang masih menyokong Anwar dan parti-parti pembangkang sebenarnya telah terpedaya dengan

gambaran zahir Anwar "sedangkan beliau sebenarnya adalah seorang pengkhianat bangsa, termasuk golongan usahawan Melayu yang mengharapkan perlindungannya".

"Dengan adanya pendedahan itu barulah kini kami mengetahui ke mana mengalirnya sebahagian daripada peruntukan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang disediakan kerajaan bagi membantu anggota persatuan pemborong yang dilanda masalah pada zaman Anwar menjadi Menteri Kewangan pada awal tahun 90an," ujar beliau.

Menurutnya, hanya kira-kira 1,000 daripada 1,500 usahawan Melayu menerima bantuan pemulihan TPU pada ketika itu. Bilangan penerima bantuan itu mungkin lebih besar "jika sebahagian daripada peruntukan tabung itu tidak mengalir kepada orang-orang yang rapat dengan Anwar".

Rosli berkata, jika benar seperti yang didakwa Murad, sekurang-kurangnya 20 orang lagi usahawan tulen yang berdaya maju akan turut terbela jika sebanyak RM20 juta daripada peruntukan itu tidak disalurkan kepada Marina.

Beliau juga menganggap pendedahan Murad sebagai sesuatu yang mengejutkan kerana ia menunjukkan betapa "Anwar sanggup menggunakan kedudukan sehingga ke peringkat memperkudakan segala jentera dan pegawai atasan seperti Penolong Gabenor Bank Negara bagi mencapai matlamat politiknya".

Rosli yakin, selain percakaran sesama sendiri, khususnya antara PAS dan DAP berhubung perbezaan dasar dan matlamat perjuangan, perkembangan mutakhir itu akan mengubah dengan ketara sekali pendirian rakyat terhadap keupayaan Barisan Alternatif untuk memenangi pilihan raya dan seterusnya membentuk sebuah pentadbiran yang adil, telus dan berwibawa.

-- Bernama

AM